

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 77 ● 18 - 24 SEPTEMBER 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) **PERCUMA**

www.wilayahku.com.my

MyGrocer@Wilayah bantu tangani kos sara hidup

SEJAJAR dengan inisiatif Wilayah Prihatin, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melaksanakan MyGrocer@Wilayah bagi membantu golongan berpendapatan rendah mengurangkan kos sara hidup.

Program yang dilaksanakan menggunakan trak saji itu turut menyediakan barangan basah di samping barang keperluan

dapur.

Menurut Timbalan Setiausaha Bahagian (Ekonomi & Penswastaan), Bahagian Sosio Ekonomi KWP, Mohd Mahyuddin Yahya, harga yang ditawarkan juga lebih murah berbanding pasar awam sekali gus menjimatkan kos perbelanjaan harian isi rumah.

BERITA PENUH DI MUKA 9, 10, 11



Redah air selamatkan diri



Imbas kod QR untuk tonton video.



HUJAN petang yang disangka seperti hari-hari biasa ternyata sebaliknya. Selepas lebih 40 tahun tinggal di Kampung Periuk Kampung Baru Kuala Lumpur, inilah kali pertama, Agusniwati Abu Bakar, 65, mengalami peristiwa yang hampir meragut

nyawanya, Khamis lalu.

Jeritan kakak beliau ketika air semakin deras ekoran hujan lebat mengejutkan Agusniwati yang sedang tidur di bilik sekali gus menyelamatkan nyawanya ketika banjir besar itu berlaku.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



MUHYIDDIN

Sempadan negara belum dibuka

PERDANA Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, kerajaan tidak akan terburu-buru membuka sempadan negara.

Beliau berkata, sebaliknya kawalan sempadan akan terus diperketat termasuk meningkatkan usaha menghalang kemasukan pendatang asing tanpa izin bagi mengekang wabak COVID-19.

BERSAMBUNG DI MUKA 4

Sistem amaran awal bantu hadapi banjir kilat

SISTEM amaran awal banjir menerusi aplikasi telefon pintar boleh dipertimbangkan untuk digunakan dalam mendepani isu banjir kilat yang berlaku di Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, walaupun sistem tersebut tidak boleh mengelakkan banjir kilat, namun ia dapat membantu pengguna mengelakkan diri daripada terperangkap di lokasi terbabit.

Menurutnya, sebanyak 50 lokasi hotspot banjir di Kuala Lumpur termasuk di Kampung Periuk Kampung Bharu dicadangkan sesuai untuk menggunakan sistem tersebut.

“Ada yang menyifatkan ‘early warning system’ (sistem amaran awal) ini tidak akan mencegah banjir, itu bukan apa yang saya maksudkan.

“Di Jepun, apabila ada gempa

bumi, siren akan dibunyikan dan selepas itu gempa bumi tetap berlaku, ia tak boleh nak dihentikan. Tetapi sekurang-kurangnya orang tempatan boleh buat persiapan,” katanya yang ditemui di Program Pengindahan Taman Awam Bukit Kiara pada Ahad lalu.

Annuar berkata, sistem tersebut boleh dijadikan panduan pengguna khususnya pemandu merancang perjalanan ketika musim hujan.

“Kalau hujan berterusan lebih sejam tidak berlaku di pusat bandar Kuala Lumpur tetapi di Gombak, kita tahu keadaan itu akan menyebabkan sungai akan ‘membengkak’ dan menyebabkan limpahan sungai dan beberapa kawasan akan dinaiki air.

“Aplikasi itu nanti boleh memberi maklumat tersebut dan boleh mengesyorkan kepada pemandu untuk mengelak



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa meninjau kawasan terlibat dalam kejadian banjir kilat pada Khamis malam.

dari melalui jalan itu,” katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau turut bersetuju cadangan Jabatan Pengairan Saliran (JPS) untuk menambah kolam takungan banjir sebagai salah satu

langkah penyelesaian banjir.

Annuar tidak menafikan keadaan longkang di sekitar Kuala Lumpur dipenuhi mendeda sebagai salah satu punca banjir.

“Itu adalah salah satu fakta yang semua orang boleh nampak. Kita faham Kuala Lumpur terlalu banyak kerja pembinaan termasuk MRT, terowong, kediaman dan macam-macam lagi.

“Kita akan tingkatkan lagi pengawasan supaya tiada yang melanggar peraturan yang menyebabkan saluran tersumbat.

“Jika ada undang-undang semasa yang tidak memadai kerana sudah digunakan lebih 10 tahun, undang-undang itu boleh disemak semula supaya semua ambil berat dan patuh kepada peraturan itu,” katanya.

Dalam kejadian Khamis lalu, beberapa kawasan sekitar Kuala Lumpur; antaranya Masjid Jamek, Lebu Ampang, Kampung Bharu dan Lorong Air Lelah dinaiki air setinggi satu hingga tiga meter kesan hujan lebat berterusan. **WK**



SEORANG penduduk Kampung Periuk terpaksa meredah air di paras dada dalam kejadian pada hari Khamis lepas.



Nur Saidatul Puteri Ainatasya, 8, menjemur buku sekolah miliknya selepas banjir surut sepenuhnya di Kampung Periuk.



PENDUDUK Kampung Periuk menerima sumbangan makanan di Kelab Sultan Sulaiman yang dijadikan pusat penempatan sementara.

Mangsa banjir keluar rumah sehelai sepinggang

DARI MUKA HADAPAN

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
Foto **AMIN FARIJ HASSAN**
dan **IHSAN PEMBACA**

AGUSNIWATI berkata, pada mulanya, beliau tidak menyangka hujan akan turun dengan lebat kerana keadaan pada petang itu seperti biasa.

“Beberapa hari sebelum kejadian, memang setiap petang kawasan rumah saya mengalami hujan lebat dan sekiranya banjir kilat, ia hanya pada paras lutut sahaja.

“Namun ketika sedang tidur, kakak saya menjerit kerana air sudah mulai naik hingga paras pinggang dan dalam keadaan panik, saya tidak dapat menyelamatkan apa-apa melainkan sempat membawa keluar



AGUSNIWATI



ZULKIFLI

dokumen dan sebuah beg yang berisi beberapa helai pakaian,” katanya kepada *Wilayahku* di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru pada Sabtu.

Kata Agusniwati lagi, dalam keadaan situasi yang cemas dan arus deras, beliau terpaksa meredah banjir untuk menyelamatkan diri ke kawasan tinggi.

“Saya dan kakak terpaksa meredah banjir dalam keadaan

enggigil kesejukan dan pada ketika itu, air sudah mula melepasi paras dada serta berkemungkinan akan meningkat.

“Arus yang sangat deras itu boleh menghanyutkan kami dan mujur ada beberapa sukarelawan datang menghulurkan bantuan awal kepada kami,” katanya.

Ujar Agusniwati, sepanjang mendiami Kampung Periuk lebih 40 tahun lalu, ini merupakan situasi yang paling menakutkan kerana arus yang sangat deras selain paras air meningkat dengan cepat.

“Peralatan rumah semua sudah musnah seperti televisyen, almari pakaian, peralatan elektrik dan anggaran kerugian kira-kira RM30,000.

“Saya berharap agar pihak kerajaan dapat melakukan sesuatu agar kejadian ini tidak berulang,” katanya sambil menambah terpaksa menumpang di rumah saudara kerana belum membersihkan rumah selepas kejadian itu.

Zulkifli Ligan, 40-an berkata, sewaktu kejadian, beliau sedang tidur kerana berkerja pada malam sehari sebelumnya.

“Ketika hujan lebat mulai turun, isteri mengejutkan dari tidur dan kami mengemaskan barang-barang yang perlu seperti dokumen penting.

“Selain itu, saya turut dapat membawa beberapa helai pakaian sebagai persediaan untuk berpindah kerana melihat kepada hujan lebat yang agak luar biasa pada waktu itu,” katanya.

Zulkifli berkata, ketika waktu

Asar, tiba-tiba pintu yang ditutup rapat terbuka kerana rempuhan air banjir yang ketika itu mulai naik pada paras pinggang.

“Semua perabot dan barang keperluan mula terapung walaupun ianya berat manakala anak-anak mulai cemas melihat situasi tersebut.

“Saya terus membawa anak-anak keluar dan memegang tangan mereka untuk meredah banjir bagi mencari tempat perlindungan dan seterusnya di tempatkan di dewan ini.”

“Penempatan disediakan kepada mangsa-mangsa yang terlibat selain diberikan makanan dan keperluan lain,” katanya sambil menambah pihak berkuasa akan menyalurkan bantuan secara berperingkat setelah semua data mangsa dikemaskini. **WK**

DBKL giat tangani limpahan air hujan

HUJAN lebat berterusan selama empat jam dike-nal pasti sebagai punca Kuala Lumpur ditenggelami banjir kilat baru-baru ini.

Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) **Azmi Abdul Hamid** berkata, sesetengah kawasan sekitar ibu kota dinaiki air dengan cepat mengakibatkan banjir kilat berlaku.

“Pihak kami telah mengenal pasti ada 11 lokasi di sekitar Kuala Lumpur yang sering mengalami banjir kilat antaranya iaitu kawasan Jalan Semarak, Jalan Melaka, kawasan Masjid Jamek, Jalan Raja Chulan dan juga Kampung Baru,” katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin lalu.

“Pada hari itu, taburan hujan mencecah kira-kira 209 milimeter per jam di kawasan Gombak dan kawasan-kawasan lain sebanyak 143 milimeter per jam.

“Ia tinggi berbanding sebelum ini dan Kuala Lumpur menerima hujan kira-kira 60 hingga 70 milimeter per jam,” katanya.

Azmi berkata, disebabkan faktor tersebut, pihaknya mendapati limpahan air berlaku di Sungai Gombak, Sungai Klang dan Sungai Bonus.

“Paras sungai juga telah melebihi paras biasa dan sebagai contoh di Sungai Gombak, Jalan Tun Razak, kebiasaannya tahap bahaya adalah 31 meter dan pada hari kejadian ia mencecah 32.79 meter dan

melebihi tahap biasa.

Azmi menjelaskan, pihak DBKL menyelenggara kira-kira 16 buah kolam takungan yang berfungsi untuk menyimpan air hujan untuk tempoh tertentu.

“Kolam takungan ini berfungsi secara graviti dan tidak dikawal oleh DBKL. Sekiranya paras air meningkat, ia akan mengalir masuk secara automatik.

“Air akan disimpan di dalam kolam takungan itu untuk tempoh 30 minit

hingga 45 minit dan selepas itu, ia akan mengalir sendiri melalui lubang-lubang yang ada di dalam kolam tersebut.

“Sebagai contoh, kolam takungan di Universiti Malaya boleh menahan kira-kira 15,000 meter kiub (m³) yang dibina di bawah Padang C dan ia telah menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan tersebut,” katanya.

Azmi memberitahu, ketika ini, pihaknya sedang giat membina sebuah kolam takungan air di dalam kawasan Taman Botani Perdana yang berkapasiti 23,000 m³.

Azmi berkata, untuk jangka masa panjang, pihaknya telah menetapkan kepada setiap pemaju untuk membina kolam takungan yang dikenali sebagai *On Site Detention* (OSD) sebagai perancangan untuk menguruskan air banjir.

“Setiap kali ada pembangunan baharu, pemaju perlu membina OSD di bawah Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) untuk pembangu-



ANGGOTA Penyelamat menggunakan bot bagi menyelamatkan mangsa banjir di Kampung Periuk, Kuala Lumpur.

nan bersaiz sederhana atau besar.

“Tujuan syarat itu dikenakan walaupun terhadap bangunan yang sudah siap dibina adalah untuk menampung limpahan air dan untuk mengelakkan ia bertakung di permukaan

“Air tersebut akan bertakung di dalam OSD untuk beberapa tempoh sebelum mengalir secara sedikit dan kadar aliran air yang keluar adalah sama seperti kawasan itu sebelum membangun,” katanya.

Katanya lagi, DBKL telah membelanjakan hampir RM150 juta bagi membina projek tebatan banjir dan mempertingkatkan sistem perparitan utama bagi mengatasi masalah banjir kilat.

“Sehingga kini, sebanyak lapan buah projek mengatasi banjir dengan nilai perbelanjaan kira-kira RM91.5

juta telahpun siap dilaksanakan di enam buah parlimen melibatkan dua buah projek di Parlimen Seputeh, dan lain-lain satu projek di parlimen Cheras, Segambut, Lembah Pantai, Titiwangsa dan Wangsa Maju.

“Manakala tujuh buah projek dalam pelaksanaan membabitkan kos RM57.5 juta membabitkan dua buah projek mempertingkatkan sistem perparitan di Parlimen Wangsa Maju dan lain-lain kawasan sebuah projek di Parlimen Bukit Bintang, Cheras, Seputeh, Kepong dan Titiwangsa.

“Selain itu, DBKL turut mencadangkan tujuh buah projek mempertingkatkan sistem perparitan yang kini di dalam proses perancangan dan rekabentuk yang melibatkan kos kira-kira RM28.5 juta,” katanya. **W K**

PROJEK MENGATASI BANJIR

SENARAI PROJEK SIAP

1. Projek Mempertingkatkan Sistem Perparitan dan Saliran di Sungai Belongkong, Taman Melati, Kuala Lumpur (2017/A023) Parlimen Wangsa Maju
2. Projek Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk untuk mengatasi masalah Banjir Kilat di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur (2014/A164) Parlimen Titiwangsa
3. Projek Tebatan Banjir di Jalan Universiti Malaya, Kuala Lumpur Secara Design And Build (2017/A011) Parlimen Lembah Pantai
4. Projek Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk Pengurusan Air Hujan di Taman Sentosa, Off Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur Parlimen Seputeh
5. Menaiktaraf Sistem Perparitan dan Pengurusan Air Hujan di Taman United dan Kawasan Sekitarnya, Kuala Lumpur Parlimen Seputeh
6. Projek Membina Kemudahan Sistem Pengurusan Air Hujan di Taman Yarl, Kuala Lumpur (2017/A005) Parlimen Seputeh
7. Projek Mempertingkatkan dan Membina Kolam Takungan Sistem Pengurusan Air Hujan Kawasan Tadahan Sungai Toba, Segambut Bahagia, Kuala Lumpur Parlimen Segambut
8. Menaiktaraf Sistem Perparitan Dan Pengurusan Air Hujan Untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Taman Tanyton View, Cheras, Kuala Lumpur Parlimen Cheras

PROJEK DALAM PELAKSANAAN

1. Projek Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk Dan Pengurusan Air Hujan di Jalan 9 dan Kawasan Sekitar di Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur (2018/A167) Parlimen Cheras
2. Cadangan Projek Tebatan Banjir di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur. (Secara Design & Build) Parlimen Bukit Bintang
3. Projek Mempertingkatkan Sistem Saliran Kawasan Tadahan Sungai Bunus Di Jalan Usahawan 5, Jalan Usahawan 6 dan Sebahagian Jalan Usahawan, Kuala Lumpur Parlimen Wangsa Maju
4. Projek Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk dan Sistem Pengurusan Air Hujan di Taman Bukit Mas, Kuala Lumpur Parlimen Wangsa Maju
5. Projek Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk Untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Lorong Kiri 15, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur Parlimen Titiwangsa
6. Projek Mempertingkatkan Sistem Saliran Utama Untuk Mengatasi Masalah Banjir di Sekitar Persimpangan Jalan Klang Lama dan Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Untuk Tetuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Parlimen Seputeh
7. Projek Naiktaraf Sistem Perparitan Di Sekitar Jalan Udag Pasir 3, Kepong dan kawasan sekitarnya Parlimen Kepong

DBKL kaji arahan pembangunan elak banjir kilat

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyemak semula syarat arahan pembangunan sebelum diberikan kepada pemaju agar kejadian banjir kilat yang berlaku di ibu negara pada Khamis lepas, tidak berulang.

Datuk Bandar Kuala Lumpur **Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan** berkata setiap pemaju perlu memastikan sistem perparitan yang berada dalam kawasan pembinaan mereka sentiasa berada dalam keadaan baik.

“Kita akan mengawal syarat-syarat (sebelum kita luluskan

arahan pembangunan) supaya kontraktor menjaga utiliti daripada diabaikan semasa pembinaan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Bubur Asyura di sini, hari ini.

Program anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Setiawangsa dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL itu bertujuan merapatkan ukhuwah sekaligus mendekati orang ramai.

Pada masa sama, Nor Hisham berkata DBKL turut merancang untuk memper-

besar dan mendalamkan kolam takungan banjir.

“Kita sedang mengenal pasti kolam, lombong atau tasik yang sesuai untuk dijadikan kolam takungan banjir.

“Bagi perumahan baharu, kita akan memastikan kontraktor menyediakan kolam takungan banjir untuk kawasan pembinaan mereka. Walaupun memerlukan kos yang tinggi, ia untuk kepentingan orang ramai,” katanya.

Dalam pada itu, Nor Hisham meminta kerjasama orang ramai agar tidak membuang sampah di dalam longkang dan kawasan perparitan.

“Sebab Kuala Lumpur ini kita punya, kalau bukan kita yang jaga, siapa lagi? Kitalah sebagai

warga Kuala Lumpur,” katanya.

Pada 10 September lepas, hujan lebat yang bermula kira-kira 1.30 tengah hari mengakibatkan lima kawasan di sekitar ibu negara dilanda banjir kilat iaitu Lebu Ampang di pusat bandar, Jalan Raja Alang (Kampung Baru), Lorong Air Leleh (Setapak) dan Jalan Gurney serta Jalan San Ah Wing (Semarak).

Banjir kilat itu menyebabkan air naik setinggi satu hingga tiga meter di kawasan terjejas.

Seramai 15 mangsa yang terperangkap akibat banjir di Jalan Gurney dan Kampung Periuk di Jalan Raja Alang, diselamatkan oleh pihak bomba. - BERNAMA



AZMI



NOR HISHAM